

13/08/2003

Sarawak perlu RM50j biaya kos air bersih

MIRI: Sarawak memerlukan peruntukan lebih RM50 juta bagi membiayai kos membekalkan air bersih kepada penduduk di negeri ini setiap tahun, terutama di kawasan luar bandar.

Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam, berkata peruntukan yang besar itu adalah di luar kemampuan kerajaan negeri dan bantuan kerajaan Pusat amat diperlukan untuk membiayai kemudahan berkenaan.

"Kerajaan negeri memerlukan peruntukan antara RM50 juta hingga RM100 juta setiap tahun bagi membiayai bekalan air bersih. Jumlah ini amat besar dan perlukan sokongan daripada Kerajaan Pusat," katanya kepada pemberita di sini, kelmarin.

Terdahulu, beliau menghadiri makan malam sambutan ulang tahun ke-50, Sekolah Menengah Kerajaan Chung Hua, Miri bersempena perasmian bangunan empat tingkat sekolah itu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Dr Chan berkata, pada masa ini hanya 18 peratus daripada penduduk luar bandar negeri ini yang sudah dibekalkan dengan kemudahan air bersih.

Bagaimanapun, beliau berkata, kerajaan negeri akan terus berusaha memastikan semua penduduk di negeri ini mendapat kemudahan bekalan air bersih walaupun ketika waktu kemarau.

"Ini kerana ketika kemarau, kebanyakan bekalan air terutama di kawasan luar bandar yang bergantung kepada air yang disalurkan daripada kawasan tanah tinggi sering menghadapi gangguan bekalan.

"Situasi itu, menyebabkan penduduk terutama ketika cuaca kering yang melanda bahagian tengah dan utara Sarawak sering terputus bekalan air," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Chan berkata, sokongan padu berterusan daripada masyarakat amat diperlukan bagi memastikan pembangunan cemerlang sekolah Cina.

Beliau berkata, SMK Chung Hua Miri adalah antara sekolah contoh terbaik kerana sekolah itu mempunyai kemudahan pembelajaran dan pengajaran yang moden hasil sokongan orang ramai.

SMK Chung Hua Miri yang kini mempunyai 1,400 pelajar adalah sebuah daripada sekolah di negara ini yang dipilih sebagai Sekolah Wawasan.